

CADANGAN KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI PANGSAPURI KOS RENDAH GOODYEAR COURT 10B, USJ 14, SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/7/66

BIL	HURAIAN KERJA	JUMLAH (RM)
	<p><u>KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM</u></p> <p>Menyediakan perkara-perkara berikut :</p> <p>Takaful/Insurans</p> <p>A Polisi Takaful/Insurans Tanggungan Awam (liabiliti terhadap kecederaan diri, kecederaan seseorang atau kematian orang awam serta kerosakan harta benda sepanjang tempoh pelaksanaan kerja).</p> <p>B Polisi Takaful/Insurans Kerja</p> <p>C Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial **Kontraktor adalah digalakkan untuk mengambil pelan perlindungan Takaful berbanding pelan Perlindungan Insurans.</p> <p>Peralatan</p> <p>D Pihak kontraktor dikehendaki menyediakan semua kemudahan/kelengkapan yang bersesuaian untuk pihaknya bagi mengendalikan urusan di tapak di dalam tempoh kontrak. (Sila rujuk <i>Preambles</i> - Bil 1 (A, B, C, D, E, F, G), Bil 2 (A, B)</p> <p>Papan Tanda Projek</p> <p>E Menyediakan satu (1) unit papan tanda projek mengikut spesifikasi yang mengandungi logo MBSJ, nama projek, nama Pegawai Penguasa, nama wakil Pegawai Penguasa, nama kontraktor, tarikh milik tapak dan tarikh siap kerja serta lain-lain kerja yang berkaitan.</p>	
JUMLAH DIBAWA KE BELAKANG :		

BIL	HURAIAN KERJA	JUMLAH (RM)
A	<p>JUMLAH DIBAWA DARI HADAPAN :</p> <p><u>KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM (SAMB.)</u></p> <p>Keselamatan Lokasi Kerja</p> <p>Menyediakan satu pelan skematik sistem penyuraian trafik melalui Pelan Pengurusan Trafik - PPT (<i>Traffic Management Plan</i>) yang mengandungi perkara berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Papan tanda tunjuk arah (<i>diversion signboard</i>) 2. Papantanda 'AWAS' 3. Papan tanda amaran (<i>warning signboard</i>) 4. Papan tanda hadlaju 5. Papan tanda elektronik (kerja waktu malam - WAJIB) 6. Kon trafik baru lengkap dengan pemantul cahaya (jarak maksima antara kon ialah 5m setiap satu) 7. <i>Amber colour blinker light</i> baru (setiap 10m) (kerja waktu malam - WAJIB) 8. <i>Red colour and green colour tube light</i> baru untuk pengawal lalu lintas 9. Set lampu limpah baru (kerja waktu malam - WAJIB) 10. Set generator (kerja waktu malam - WAJIB) 11. <i>Red and white hazard tape</i> 12. Pengawal lalu lintas berbendera <p>B</p> <p>Menyediakan satu kumpulan pengawal/penyurai trafik yang akan menyusun semua peralatan trafik dan mengawal lalulintas dilokasi kerja sepanjang kerja dijalankan. Kumpulan ini perlu dibekalkan dengan peralatan keselamatan seperti topi keselamatan, vest keselamatan (hijau sahaja), kasut keselamatan, <i>red light tube batton</i>, alat perhubungan (<i>walkie talkie</i>) dan lain-lain keperluan berkaitan untuk tugas ini.</p> <p>Kerja-Kerja Persediaan Awal Tapak</p> <p>C</p> <p>Kos penyewaan kenderaan / pengangkutan oleh pihak kontraktor bagi menghantar ke tapak serta mengeluarkan dari tapak peralatan / mesin / jentera / loji seperti berikut mengikut kesesuaian penggunaannya ditapak. (Sila rujuk <i>Preambles</i> Bil 4 (C, D))</p> <p>Laporan Bergambar</p> <p>D</p> <p>Menyediakan laporan bergambar sebelum, sedang dan selepas kerja dijalankan di tapak. Penyediaan tuntutan bayaran lengkap dengan gambar sebelum, semasa dan selepas siap kerja dan dijilidkan, diserahkan semasa membuat tuntutan pembayaran lengkap dengan inbois, borang <i>taking off</i>, pelan lokasi kerja, gambar kerja beserta tarikh dan dijilid kemas.</p>	
JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA :		